



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT ASEAN *FOOD SECURITY RESERVE BOARD* (AFSRB) KALI KE-45 DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 OGOS 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menganjurkan Mesyuarat *ASEAN Food Security Reserve Board* (AFSRB) kali ke-45 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 25 – 26 Ogos 2025. Penganjuran mesyuarat ini merupakan komitmen Malaysia berteraskan penggiliran kepengerusian mesyuarat mengikut abjad.

AFSRB ditubuhkan pada tahun 1979 bertujuan memperkukuh keselamatan makanan di rantau ASEAN. Mesyuarat diadakan secara tahunan dan menjadi platform penting bagi membincangkan bekalan dan permintaan makanan asas serta mengukuhkan kerjasama serantau dalam menghadapi cabaran seperti krisis makanan, perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan.

Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM dengan penyertaan wakil daripada tujuh (7) Negara Anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura dan Thailand. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil Sekretariat ASEAN, Sekretariat AFSRB, Sekretariat *ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve* (APTERR) dan Sekretariat *ASEAN Food Security Information System* (AFSIS).

Mesyuarat kali ini telah dimaklumkan mengenai status semasa sekuriti makanan yang melibatkan empat (4) komoditi strategik, iaitu beras, jagung, gula dan kacang soya di peringkat global, rantau ASEAN serta setiap negara ahli. Ini termasuk cabaran daripada ketidaktentuan pasaran dan impak perubahan iklim. Selain itu, mesyuarat juga mempromosikan hasil pertanian tempatan melalui pameran yang diadakan dan menu makanan yang disediakan.

Myanmar akan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat AFSRB kali ke-46 pada tahun 2026.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

